



**BALAI SENI NEGARA**  
**2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,**  
**53200 Kuala Lumpur.**  
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998  
pr.artgallery@1govuc.gov.my  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)



## SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

### **“CARAVAGGIO OPERA OMNIA” PAMERAN KARYA REPRODUKSI, BAPA SENI MODEN ITALI DI BALAI SENI NEGARA.**

**KUALA LUMPUR** – Balai Seni Negara, Kedutaan Itali di Kuala Lumpur, Kementerian Luar Negara Itali dan RAICOM (Syarikat Rangkaian Televisyen Awam Itali) membawakan untuk tatapan khalayak Malaysia, Pameran “Caravaggio Opera Omnia”. Caravaggio yang lahir pada tahun 1571 merupakan salah seorang Bapa Seni Moden Itali yang aktif hujung abad 16 hingga awal abad ke 17.

Pameran ini adalah atas inisiatif Kementerian Luar Negara Itali melalui RAI, bertujuan untuk mempromosi dan mencipta kesedaran orang ramai tentang Seni dan budaya Itali dengan cara mempamerkan karya-karya reproduksi pelukis tersohor Itali ke muzium-muzium seni seluruh dunia. Pameran ini memaparkan 34 buah karya reproduksi berteknologi tinggi pelbagai saiz merupakan antara karya-karya terbaik Baroque Itali.

Caravaggio merupakan seorang yatim di usia 11 tahun. Beliau bukan sahaja seorang pelukis yang hebat, malah merupakan pemedato yang baik di Milan. Dia berpindah ke Rom dan mula berjaya apabila menerapkan teknik tenebrisme didalam karyanya (Teknik tona dan bayang-bayang yang lebih gelap dengan kesan cahaya secara mendadak) . Namun, kerjaya beliau tidak lama apabila beliau meninggal dunia pada 18 Julai 1610.

Pameran ini dibuka untuk orang ramai pada 14 Julai 2018 dan dijangka tamat pada 5 September 2018, di Galeri 3A, Balai Seni Negara. Majlis perasmian pameran ini akan diadakan pada 24 Julai 2018 pada jam 3 petang dan disempurnakan oleh Yang Mulia Christiano Maggipinto, Duta Besar Itali ke Malaysia. Bagi menyokong pameran ini beberapa siri Program Bicara Seni akan diadakan pada 23, 24 dan 25 Julai 2018 jam 3 petang. Orang ramai adalah dijemput hadir dan masuk adalah percuma.

###

Unit Komunikasi Korporat  
Balai Seni Negara  
No. 2 Jalan Temerloh Off Jalan Tun Razak  
53200 Kuala Lumpur  
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998  
pr.artgallery@1govuc.gov.my  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)